



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	1/10/2019	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Air dibekalkan kepada pengguna penuh piawaian

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) meningesahkan kualiti air yang dibekalkan pihak itu kepada pengguna memenuhi piawaian kualiti air ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, pihaknya ada menerima beberapa aduan daripada pelanggan berkaitan kualiti air.

"Berdasarkan hasil siasatan dan pemeriksaan di 120 premis sehingga jam 12 tengah hari tadi (semalam)



ABDUL RAOF

mendapati air terawat yang dibekalkan disahkan memenuhi piawaian kualiti air ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Abdul Raof berkata, gangguan bekalan air ekoran pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Semenyih yang menyebabkan sebanyak

372,031 akaun pelanggan terjejas sejak kelmarin pulih sepenuhnya jam 12 tengah hari semalam.

Menurutnya, laporan pemulihan itu berdasarkan pemantauan paras kolam perkhidmatan dan bacaan

tekanan di sistem agihan bekalan air di empat wilayah.

Sebelum ini sebanyak 372,031 akaun pelanggan di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terlibat gangguan bekalan air susulan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih pada jam 5 petang disebabkan insiden pencemaran itu.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) Dan Hal Ehwāl Pengguna Selangor, Hee Loy Sian memaklumkan pencemaran bau seperti pelarut itu disyaki berpunca daripada pembuangan sisa yang tidak dibenarkan ke sistem pembentungan dan tidak dapat dirawat oleh loji kumbahan.